

ANALISIS PANDANGAN PAKAR MENGENAI KARAKTERISTIK 'ASABIYYAH IBNU KHALDUN: SATU KAJIAN AWAL

Siti Nor Azhani Mohd Tohar (Corresponding Author)

Pusat Pengajian Teras, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

E-Mail: azhanitohar@usim.edu.my

Siti Nor Baya Mat Yacob

Pusat Pengajian Teras, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

E-Mail: snorbaya@usim.edu.my

Latifah Abdul Latiff

Pusat Pengajian Teras, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

E-Mail: latifah@usim.edu.my

Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali

Pusat Pengajian Teras, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

E-Mail: wmazrul@usim.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan hasil analisis awal menurut pandangan pakar dalam mengenalpasti perbincangan sarjana Islam unggul, Ibnu Khaldun berkenaan karakteristik 'asabiyyah yang menjadi faktor utama dalam Teori Kitaran beliau. Usaha ini bagi menangani kelompangan kajian terdahulu untuk merungkai secara sistematik, karakteristik yang ada dalam perbincangan 'asabiyyah oleh Ibnu Khaldun. Sebagai analisis awal, pengkaji telah menjalankan kajian ke atas tiga orang pakar dalam pengkajian ilmu Ibnu Khaldun yang diperoleh secara temu bual mendalam dan dianalisis secara tematik. Hasil analisis awal mendapati terdapat empat karakteristik utama dalam konsep 'asabiyyah Ibnu Khaldun, iaitu kekuatan agama, perkongsian tujuan dan nilai, melangkaui pertalian darah, bersifat positif dan berani mengajukan tuntutan. Justeru, kajian ini dapat menjadi sumber rujukan yang lebih sistematik dan tersusun dalam menjelaskan karakteristik 'asabiyyah Ibnu Khaldun yang menjadi teras utama jatuh bangun sesebuah tamadun. Malahan dapatan kajian ini dapat mengangkat kerelevanan perbincangan yang menjangkau 600 tahun yang lampau untuk diaplikasikan kepada masyarakat heterogen yang unik dan pelbagai dalam peradaban masa kini.

Kata kunci: 'asabiyyah Ibnu Khaldun, Semangat Kekitaan, *Esprit De Corp*, Ketamadunan, Analisis Pakar.

PENGENALAN

Ibnu Khaldun atau nama sebenarnya ‘Abd al-Rahman bin Muhammad bin Muhammad bin al-Hasan bin Muhammad bin Jabir bin Muhammad Ibn Ibrahim bin’ Abd al-Rahman bin Khaldun dilahirkan di Tunisia pada bulan Ramadan 734H bersamaan 27 Mei 1332. Penglibatan politik Ibnu Khaldun mempunyai cerita sejarah yang panjang dan penuh konflik dan konspirasi; konsisten dengan perbincangan beliau tentang sifat manusia dalam masyarakat. Karya paling bermutu Ibnu Khaldun serta merupakan karya yang relevan untuk disiplin moden dalam sosiologi ialah, Mukadimah, yang merupakan sebahagian (sebagai pengenalan) daripada karya monumen beliau, Kitab al-‘Ibar (kajian empirikal terhadap sejarah masyarakat Arab dan Badwi yang terdapat dalam beberapa volume) (Alatas, 2014).

Justeru, perbincangan beliau mengenai *‘asabiyyah* perlu diketengahkan, diangkat dan dibahaskan secara meluas oleh para sarjana kini. *‘asabiyyah* merupakan inti pati penting dalam membicarakan faktor jatuh bangun sesebuah peradaban dalam teori kitaran Ibnu Khaldun. *‘asabiyyah* telah diterjemahkan dalam banyak terma dan terdapat juga sarjana yang mendefinisikan ia sebagai semangat nasionalisme dan patriotisme (al-Khudairi dalam Indriaty Ismail, 2015). Justeru, definisi *‘asabiyyah* sangat meluas dan perlunya kajian terperinci untuk melihat ruang lingkup sebenar karakteristik yang terdapat di dalam perbincangan beliau ini agar konsep ini dapat diangkat setanding konsep-konsep kontemporari yang dibincangkan oleh Barat.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu tinjauan awal yang melibatkan kaedah kualitatif, iaitu temu bual secara mendalam ke atas tiga orang pakar bidang dalam pengkajian Ibnu Khaldun. Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan yang mana informan dipilih adalah berdasarkan kepakaran mereka berkenaan kerangka pemikiran Ibnu Khaldun. Pengkaji telah mendapatkan terlebih dahulu persetujuan para pakar dan kesediaan mereka untuk ditemu bual serta telah menjelaskan terlebih dahulu tujuan dan rangka soalan temu bual bagi mengelakkan kekeliruan dan memandu pengkaji dan para informan supaya dapatan kajian lebih terarah dan dapat menjawab persoalan kajian. Analisis secara tematik digunakan bagi menjawab persoalan kajian berkenaan dengan karakteristik konsep *‘asabiyyah* yang dibincangkan oleh Ibnu Khaldun.

Kekuatan Agama

Agama memainkan peranan penting dalam *‘asabiyyah* kerana agama dapat meredakan pertentangan dan perasaan iri hati dalam ahli masyarakat. *‘asabiyyah* ialah pandangan dan tujuan yang sama dan satu berpandukan kepada jalan menuju Allah s.w.t dan tidak mementingkan duniawi. Sehubungan itu, kekuasaan tamadun berpaksi kepada kekuatan *‘asabiyyah* yang bertunjangkan agama. Ini kerana kekuatan *‘asabiyyah* yang diiringi dengan kekuatan agama akan saling memenuhi antara satu sama lain. Melalui *‘asabiyyah* yang didorong oleh kekuatan agama, sesuatu bangsa rela untuk berkorban demi mencapai cita-cita mereka yang sama.

Ibnu Khaldun menjelaskan,

“kedaulatan kuasa adalah diakibatkan oleh kekuatan. Kekuatan itu adalah diakibatkan oleh perasaan kekitaan. Hanya dengan pertolongan Allah s.w.t yang merestui agama-Nya maka individu itu bersikap ‘bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat’ dan berpegang kepada ‘hati gajah sama dilapah, hati nyamuk sama dicicah’” (Ibnu Khaldun, DBP, 2009).

“Semangat beragama boleh meredakan pertentangan dan iri hati dalam kalangan orang yang mengongsi perasaan kekitaan, dan menyebabkan tumpuan kepada arah kebenaran. Apabila perhatian telah terpusat kepada kebenaran, maka tiada satu pun yang dapat menghalangi mereka, sebab pandangan mereka sama dan tujuannya pun serupa dan satu. Mereka rela berkorban demi mencapai cita-cita perjuangan” (Ibnu Khaldun, DBP, 2009).

Analisis informan menyokong bahawa *‘asabiyyah* yang diutarakan Ibnu Khaldun bukan semata-mata semangat *‘asabiyyah* tersebut sahaja bahkan ia perlu didorong oleh kekuatan beragama bagi saling menyokong dalam pembinaan tamadun yang lebih kekal.

kita memupuk daripada bagai-bagai peringkat sampailah kepada yang paling tinggi sekali adalah ibadat. F1

dan religion ini dia macam faktor yang memperkuatkan ‘asabiyyah. ... dan agama tu sendiri memperkuatkan supaya unsur-unsur yang negatif itu tidak masuk. Bila Islam itu datang, masyarakat jahiliyah ni dia tak eliminate ... dia punya budaya tu terhapus tapi dia masih preserve. Cuma disesuaikan dengan Islam tu sendiri dan malah jadikan mereka lebih kuat lagi. F2

‘Asabiyyah ini merupakan rahsia Ilahi yang menghalang masyarakat daripada berpecah belah dan khianat mengkhianati antara satu sama lain. Ia adalah sumber bersatu padu dalam kesepakatan, serta penjamin hasrat dan syariat agama Islam (Ibnu Khaldun, 1967, 2009).

Analisis informan turut menjelaskan bagaimana agama memainkan peranan penting sebagai karakteristik utama kekuatan *‘asabiyyah* Ibnu Khaldun seterusnya membawa kepada ketekalan sesebuah tamadun.

Ok tadi religion dia menghapuskan jealousy, envy yang ada ‘asabiyyah. So peranan agama tu pun penting, dalam ‘asabiyyah tu, sebab kalau ‘asabiyyah saja tanpa unsur elemen agama, dia macam boleh bawa kepada cemburu, dia boleh kepada iri hati selepas itu nak berebut jawatan, kuasa. Ok, so tapi kalau ada unsur agama itu dia boleh menghapuskan sebab agama tu yang membersihkanlah. Walaupun sekuat mana pun tamadun, government itu kalau agama dia masih strong mungkin tamadun itu atau pun government itu boleh bertahan. F2.

Jadi sebab tu saya kata fitrah atau silaturrahim itu dia mesti berpandu kepada fitrah ‘asabiyyah yang dia sebut tadi itu, dia mesti ada fitrah dia. Fitrahnya ialah setiap manusia dilahirkan dengan fitrah maknanya Tauhidik.... Jadi fitrahnya adalah harmoni, tidak ada keganasan, salim F3.

Malahan Ibnu Khaldun turut membincangkan bagaimana faktor agama Islam yang disokong kuat oleh semangat *‘asabiyyah* telah mengubah kekasaran karakter masyarakat Arab Badwi. Karakter masyarakat Badwi yang ganas, agresif, terbiasa dengan hidup buas, semangat kekitaan antara

mereka; menjadikan mereka tidak mudah tunduk kepada pihak berkuasa dan sanggup berjuang untuk menawan bandar demi kelangsungan hidup (Ibnu Khaldun, DBP, 2009; Dhaouadi, 1990). Namun, faktor agama Islam yang disokong oleh semangat kekitaan yang kuat ini telah mengubah kekasaran karakter masyarakat Arab Badwi dan membolehkan mereka mengembangkan ajaran Islam sehingga ke semenanjung Arab (al-Jabri dalam Dhaouadi, 1990). Ini menunjukkan bahawa kekuatan agama dan kekuatan *'asabiyyah* yang saling menyokong turut menjadi faktor penting dalam mendapatkan kekuasaan dan meluaskan kuasa sesuatu bangsa dan seseorang pemimpin. Ini seperti mana perbincangan informan berikut.

... dan agama pun memainkan peranan dalam mendapatkan kekuasaan. F2.

Agama tu jangan tinggal. ... Tunjang yang pertama ialah agama. Agama mesti ada, ... hiasan kepada pemimpin itu, dia punya pegangannya apa. F3

Kemudian, Plato ini ada satu teori yang berkaitan dengan Ibn Khaldun, teori Plato berkaitan dengan kepimpinan, iaitu Philosopher King. Saya rasa berkaitan dengan Ibn Khaldun di mana dia (Plato) kata, ... orang falsafah dia ada ciri-ciri agama. Falsafah-agama adalah satu menurut Plato. Matlamatnya mesti kebenaran yang satu. Maknanya kalau belajar falsafah mesti menyokong agama. Belajar agama mesti menyokong falsafah. Kombinasi tu kuat. Dia kata Philosopher King adalah orang yang terbaik, ideal untuk jadi pemerintah. So, bila saya tengok, philosopher kena ada pakej agama padanya. Dia kata falsafah mesti ada. Baru baik. Dua-dua tu matlamat yang sama, so tak bercanggah lah. F3

Justeru, perlu diakui bahawa kekuatan *'asabiyyah* yang didasari oleh kekuatan hidup beragama menjadi penentu keagungan sesebuah tamadun kerana bukan sahaja dapat menentukan ketekalan tamadun malahan dapat memperluaskan kuasa tamadun tersebut untuk menjadi unggul.

Perkongsi Tujuan Dan Nilai

Selain kekuatan hidup beragama menjadi tonggak utama *'asabiyyah* Ibnu Khaldun, perkongsi tujuan dan nilai sering menjadi definisi kepada *'asabiyyah* ini. Alatas (2013) menegaskan bahawa walau apa pun istilah yang digunakan bagi mendefinisikan *'asabiyyah* Ibnu Khaldun, adalah penting bahawa *'asabiyyah* Ibnu Khaldun ini bermaksud perasaan berkongsi nilai khusus yang sama dan kesetiaan kepada kumpulan yang berasaskan kepada pertalian darah (Alatas, 2013).

Para informan juga mengesahkan bahawa dengan nilai dan tujuan yang telah sebulat di hati oleh sesebuah kelompok masyarakat tanpa perlu diuar-uarkan dan telah sebulat menjadikan sesebuah masyarakat itu saling menggembleng tenaga untuk mencapai tujuan mereka.

Ibnu Khaldun sebut mengenai 'asabiyyah ... harus ada satu common grow. Jadi, semua tenaga digembleng untuk mengisi visi itu. Barulah dia boleh jadi bangsa yang kuat untuk jadi satu peradaban yang kuat. Common grow. Kalau tidak, dia akan jadi satu peradaban yang biasa-biasa. Makna, yang tidak menonjol yang sejarah peradaban manusia, tamadun yang kuat adalah tamadun yang tinggi dia punya tahap ... Social Cohesion ataupun Social Solidarity dia. Ada yang terjemah Esprit de Corp. F1

dia pun ada kesedaran yang sama. Dia nak hidup yang sama. Takkan kita nak hidup tengok jiran kita ... mesti ada tujuan yang sama. F3

Seperti kata berkongsi nilai yang sama itu, semua sama daripada patriotism... 'asabiyyah itu sama itu ya. Berkongsi... shared values ya. Berkongsi nilai... sharing a values dalam pembinaan sesebuah negara bangsa itu penting berkongsi nilai ya. F1

Faktor common views ataupun common interest mungkin boleh menjadi elemen untuk strong 'asabiyyah. F2

Namun, perkongsian tujuan dan nilai ini adalah suatu yang eksklusif yang ada dalam sesebuah bangsa dan mungkin berbeza dengan bangsa yang lain. Ia bukan suatu perkongsian dari sudut demografi, namun ia menjangkau soal pandangan semesta, matlamat, visi dan tujuan sesuatu bangsa yang telah sebatikan dalam jiwa setiap ahli. Justeru, melalui perkongsian sedemikian, asabiyyah boleh menjangkau lebih daripada seperti pertalian darah, sebaliknya 'asabiyyah ini boleh mengikat ahli lain di luar pertalian darah namun memegang perkongsian tujuan dan nilai yang sama.

Franz Rosenthal dia cakap, 'expect values is something natural that within the blood ties will still help others'. Ok. boleh dipanjangkan untuk yang share values. maksudnya kalau kita ada pandangan yang sama, ada interest yang sama. Tak boleh main pukal juga kata.... ada 'asabiyyah sebabkan ada faktor umur, sama-sama tua, atau pun sama-sama apa lagi? Sama-sama perempuan ke.. jantina.. tapi kita tak boleh nak main pukal juga. .maksudnya kena tengok apa yang common value tu macam mana. Common views tu macam mana. mungkin dari sudut tujuan ke, right. mungkin dia tiada blood relation, walaupun tiada ikatan darah yang sama tapi dalam satu group, ..sama-sama bergabunglah. Bolehlah kata strong 'asabiyyah di situ. F2

Justeru, perbincangan mengenai karakteristik 'asabiyyah yang didasari oleh pertalian darah dapat diperluaskan lagi kepada perbincangan karakteristik 'asabiyyah di luar daripada kelompok seperti pertalian darah namun didasari oleh perkongsian pandangan semesta, nilai dan matlamat sesebuah bangsa atau negara. Karakteristik inilah yang menjadi inti pati utama untuk melihat kerelevanan 'asabiyyah dalam aplikasi masyarakat heterogen kini.

Melangkaui Pertalian Darah

Al-Jabri telah meluaskan lagi definisi 'asabiyyah ini dengan menyatakan tentang ikatan pertalian darah yang turut dikongsi oleh individu yang bukan daripada pertalian darah (Dhaouadi, 1997) . Selain pertalian darah, 'asabiyyah turut wujud melalui *clientship* (individu yang menerima dan mengamalkan 'asabiyyah kaum tempat menetapnya yang baru setelah meninggalkan kaum asalnya) dan *alliance* ('asabiyyah yang didasari hubungan hamba abdi dan hubungan untuk mendapatkan perlindungan) (Alatas, 2013; Dhaouadi, 1990 & 1997; Zainab al-Khudhairi, 1979). Ini kerana Ibnu Khaldun menegaskan hubungan yang terjalin melalui kepimpinan yang baik akan memberikan impak yang sama seperti ikatan yang terhasil menerusi keturunan (Indriaty Ismail, 2015). Malahan, Alatas (2013) menjelaskan bahawa 'asabiyyah tidak wujud semata-mata disebabkan oleh pertalian

darah tetapi turut disebabkan oleh tempoh kepanjangan waktu bersama dan perkongsian pengalaman sesama ahli masyarakat.

Perbincangan karakteristik ini disepakati oleh para informan seperti berikut:

walaupun tidak ada blood ties, walaupun tidak ada pertalian darah tapi kalau share common, common views...maksudnya kalau ada...kita kata apa? Tujuan yang sama, ada pandangan yang sama, walaupun tak ada ikatan pertalian darah, itu pun boleh ... disandarkan kepada 'asabiyyah yang Ibnu Khaldun maksudkan. F2

Al-Jabri... dia rujuk daripada Ibnu Khaldun dia kata, 'the basic of 'asabiyyah according to Ibnu Khaldun is broader than blood ties..'. Tu dia punya hypothesis, lebih besar, lebih luas daripada blood ties .. 'that members of the tribe share its binding force of each individual also derive to have that common interest'. So kalau dalam satu group tu dia bukan ada pertalian darah tapi dia ada common interest, ...itu pun boleh dikatakan sebagai 'asabiyyah F2

Dia mesti ada.. persamaanlah. Mungkin dalam satu group Arab tu, walaupun dia berbeza etnik, walau dia berbeza puak tapi dia ada... common interest, walaupun tak ada blood ties. ... Dia background dia masih Arab tapi bukan etnik yang sama dan dia tak ada blood ties tapi ada share common views, common interest. Ok so blood ties tu memang yang paling...paling core tapi dia boleh pergi extend lagi. F2

dia sesama dia pun memang sudah ada hubungan, sudah ada konsep sesama sendiri. Ha, dia boleh matching (dengan hubungan daripada luar pertalian darah) sebenarnya. F3

... ada sebut ni, 'yet have a common view from being alike and share clientship'. Kalau disebut oleh Rabi'. dia akan mempertahankan walaupun dia tiada pertalian darah dalam group dia tapi kalau ada berlaku sesuatu perkara yang menyebabkan ahli kumpulan dia ditindas ataupun treated unjustly, dizalimi, mereka akan bergerak. Maksudnya dia akan cuba mempertahankan juga. benda tu sebenarnya secara natural sebenarnya. F2

... maksudnya dia daripada satu group dia berpindah, lepas itu dia masuk dalam group baru. So dia dah join dalam group lah dan share common di situ. Common views di situ. F2

bukan hanya blood ties tapi yang share common values, common view tu kan, ada satu pandangan yang sama, pendapat yang sama, tujuan yang sama. So kalau benda tu berlaku dalam masyarakat majmuk... mungkin applicable. Maksudnya selaras dengan apa yang Ibnu Khaldun maksudkan. Walaupun persaudaraan tak sama, pertalian darah tak ada. F2

Dia kata 'not indeed...not on blood relation'. Bukanlah atas pertalian darah, 'but on the concept of group collaboration of the purpose of the national benefit and its interest'. Maksudnya atas group collaboration concept, kerjasama kumpulan untuk purpose of the national. Apa tujuan kebangsaan national benefit. Ok, purpose of national benefit faedah dari sudut peringkat negara. ... Maksudnya apa tujuan yang berkaitan dengannya. F2

Justeru, Dhaouadi (1997) menjelaskan bahawa Ibnu Khaldun telah membicarakan ikatan sosial yang bermula daripada konsep ‘pertalian semuslim’ (*Muslim brotherhood*) kepada modifikasi ikatan yang baru, iaitu masyarakat multietnik. Maka, tidak mustahil apabila konsep ‘*asabiyyah*’ ini turut boleh terpakai dalam situasi moden masa kini yang menjurus kepada masyarakat yang bersatu dalam kepelbagaian kelompok etnik.

Bersifat Positif

Karakteristik terpenting yang sering disalahtafsirkan oleh masyarakat umum apabila mengaitkan ‘*asabiyyah*’ sebagai suatu ketaasuban seseorang kepada bangsanya. Berbeza dengan karakteristik ‘*asabiyyah*’ yang dibincangkan oleh Ibnu Khaldun merupakan suatu semangat yang didukung oleh nilai-nilai positif dan tidak mempunyai ketaasuban kepada ahli masyarakatnya walaupun ahli tersebut melakukan nilai terlarang dalam agama dan norma. Seperti mana para informan bersetuju bahawa,

Saya tidak jumpa dalam Mukadimah Ibnu Khaldun ... tak bercakap tentang yang ‘asabiyyah jahiliah, dia tak bahaskan pun. F1

ha, tidak. Dia (Ibnu Khaldun) tak bincang (ketaasuban). ...Dia tidak peduli. Dia akan pertahankan yang betul. F3

... dia tak boleh kita sayang keluarga kita tu sehingga tahap benda salah pun kita perlu nak pertahankan. So dia ada barrier lah. Dia ada batasan dia. Maksud Ibnu Khaldun pun dia base on that, maksudnya blood relation, kasih, sayang mempertahankan group sendiri, ok, dan of course lah on the base of benda yang betul. Benda yang bukan atas kezaliman. Right, tapi kalau once dah melepasi atau pun kalau dah membantu atau mempertahankan group atas benda kezaliman tu, itu dah bersalahan dan saya kira pun itu yang bukan Ibnu Khaldun maksudkanlah sebab dia dah lari jauh. F2

Walaupun begitu, ‘asabiyyah itu.. tetap begitu definisi dia, walaupun 30 tahun dah pembacaan saya, saya rasa definisi dia tetap tidak berubah. Iaitu definisi asal yang dimaksudkan oleh Ibn Khaldun ialah ‘asabiyyah itu ada konotasi positif yang pada dia apabila dia study, dia research, dia aplikasi dengan masyarakat dia, dengan suasana sekitar, itulah ‘asabiyyah yang bersifat positif, yang dia cuba jadikan landasan untuk pembinaan sesebuah negara atau daulah F3

Ini sangat baik, positif di mana kasih sayang yang positif ini akan mempertahankan hak kita dan tidak sewenang-wenangnya menyerang hak lain. F3

Ini kerana ‘*asabiyyah*’ Ibnu Khaldun adalah ‘*asabiyyah*’ yang didukung oleh kekuatan agama yang menjadi hala tuju dan nilai yang sama antara ahli. Seperti mana informan berikut menyatakan bahawa,

Itu yang dipegang positifnya. Jadi bila kita nak develop daripada badawa kepada hadhara kepada daulah yang lebih besar, internasional dia memang bermula daripada fitrah beragama, kasih sayang, rahmat, silaturrahim kemudian dengan adanya kasih sayang, rahmat dan sifat defensif,

protective semua tu, keluar dekat luar. Dia signifikan dekat luar. Functional dekat luar. Jadi itu dia yang positif itu. Yang itu dia langkah menjadi teras kepada membina nationality apa semua tu, mesti ada rangkuman itu. Saya melihat itu yang kuat. f3

'asabiyyah sepatutnya berpandukan prinsip Tauhid, yang telusnya berpandukan prinsip Tauhid. Kemudian, ikatan yang sejahtera dari segi moral yang berpandukan Tauhid tadi, di mana Tauhid tadi diterangkan oleh Rasulullah saw, kita kena terima semuanya itu. Daripada pakej Islam, daripada bersumberkan Quran dan Sunnah. Maknanya benda tu dia pertahankan dan tidak boleh ada ekstremis yang membuatkan andaian-andaian salah dalam sudut itu. Maksudnya tak boleh kita bertindak ekstremis lah. Ada tindakan ekstrimis yang cuba pesong ke apa benda, tidak pertahankan yang hak sebenarnya. Dia akan berjalan dari situ di mana agama, falsafah, miliki adat apa semua, semuanya menuju kepada kebenaran dan kesejahteraan. ... Jadi itu 'asabiyyah kepada benda yang tidak elok. Dia taasub kepada benda yang salah. Ha, itu yang ekstremis sebenarnya. F3

Malahan, penetapan bahawa 'asabiyyah Ibnu Khaldun adalah berkonotasi positif ialah apabila Ibnu Khaldun turut menekankan mengenai kekuatan 'asabiyyah apabila ahlinya berani mengajukan tuntutan dan menuntut hak sekiranya berlaku penindasan serta sesuatu kepincangan oleh ahli mereka atau salah guna kuasa pemimpin mereka. Justeru, karakteristik 'asabiyyah Ibnu Khaldun berikutnya ialah berani mengajukan tuntutan.

Berani Mengajukan Tuntutan

Perbincangan mengenai 'asabiyyah Ibnu Khaldun berkonotasi positif membawa kepada perbincangan karakteristik mengenai berani mengajukan tuntutan. Ibnu Khaldun menegaskan bahawa 'asabiyyah dapat melahirkan kemampuan untuk mempertahankan diri seseorang untuk melindungi diri sendiri, dan untuk mengemukakan tuntutan; kepatuhan membabi buta akan menghancurkan 'asabiyyah. Rakyat yang masih memiliki kekuatan 'asabiyyah, mereka akan mengajukan tuntutan bagi memenuhi kehendak mereka bersama. Sebaliknya, sekiranya rakyat telah pudar 'asabiyyah, mereka hanya patuh atas segala keputusan pemerintah. Mereka hanya patuh walaupun telah berlaku penindasan ke atas mereka dan ini menandakan 'asabiyyah yang pudar kerana mereka telah lemah sehingga tidak sanggup berjuang menuntut hak dan menangani penindasan (DBP, 1967, 2009). Pernyataan di bawah adalah persetujuan para informan yang membincangkan karakteristik ini.

Walaupun dengan pemerintah sendiri. Kalau have a strong 'asabiyyah dan kalau tengok yang tahap tu kan, strong 'asabiyyah sepatutnya... boleh mengajukan kalau ada kesalahan yang dibuat oleh pemerintah. ...melainkan kalau tahap dia dah nak jatuh, dah loose 'asabiyyah tu, barulah dia akan redha saja dengan apa yang pemerintah buat. F2.

Kalau dalam keadaan masa Badwi tu kalau ditindas, memang dia kata puak Badwi ni kalau ditindas dia akan serang balik. Ha, itu sifat-sifat yang ada. ...Sebab apabila ditindas mereka melawan, defend. Itu memang dipuji sebagai satu model nomad yang baik, model kehidupan yang baik. So, maknanya dia appreciate lah, kalau macam tu boleh buat. Dia tidak kata yang tu tak bagus. Malah saya rasa kalau sampai tahap hadharah pun kalau ditindas, memang kena la kan, kena berani mengajukan tuntutan lah. F3

Ini membuktikan bahawa *'asabiyyah* Ibnu Khaldun bukan suatu ketaasuban sebaliknya suatu semangat yang didasarkan oleh nilai agama yang mendorong moral yang tinggi. Malahan ia menjadi satu pengukur kepada tahap *'asabiyyah* itu sama ada berada di tahap kuat atau lemahnya sesebuah masyarakat.

KESIMPULAN

Analisis awal ini menunjukkan bahawa perbincangan *'asabiyyah* oleh Ibnu Khaldun tidak diragui lagi dapat diaplikasikan kerelevanannya dalam masyarakat moden dan pelbagai masa kini. Karakteristik yang terdapat adalah *'asabiyyah* Ibnu Khaldun memiliki kekuatan dan memenuhi fitrah manusia dalam bermasyarakat. Faktor agama sebagai pendukung penting dalam kekuatan *'asabiyyah* adalah suatu yang utama dalam memberi panduan dan hala tuju setiap individu memenuhi tujuan dan matlamat kehidupannya seiring dengan perkongsian nilai dan matlamat dalam ahli masyarakatnya. Malahan *'asabiyyah* Ibnu Khaldun bukan suatu ketaasuban kepada kelompoknya sahaja dan ini dibuktikan apabila Ibnu Khaldun turut membincangkan bahawa *'asabiyyah* boleh turut dimiliki oleh mereka yang di luar daripada bangsa atau keturunannya. Ini turut membuktikan bahawa *'asabiyyah* Ibnu Khaldun bukan bersifat etnosentrik malahan mengamalkan keterbukaan kepada individu lain yang saling menghormati dan memiliki nilai dan matlamat yang sama untuk dikecapi secara kolektif.

'asabiyyah Ibnu Khaldun juga mengetepikan prinsip ketaasuban apabila Ibnu Khaldun turut membincangkan bahawa ahli masyarakat berhak untuk mengajukan pendapat dan tuntutan sekiranya hak atau berlaku penindasan ke atas diri dan ahli masyarakat mereka waima ia dilakukan oleh pemimpin mereka sendiri. Ini menunjukkan bahawa *'asabiyyah* Ibnu Khaldun ini sangat relevan dalam menentang ketidakadilan dan menyemai ketulusan dalam sesebuah pentadbiran kerajaan. Malahan ini memperlihatkan bahawa perbincangan Ibnu Khaldun mengenai *'asabiyyah* telah terlebih dahulu dibincangkan oleh sarjana Islam sebelum konsep patriotisme yang sebenar atau asli ("*genuine*" or "*true*" *patriotism*) atau "*patriotisme* konstruktif" dibincangkan oleh sarjana Barat.

Secara tuntas, walaupun perbincangan Ibnu Khaldun mengenai *'asabiyyah* ini telah dibincangkan lebih daripada 600 tahun lampau dan dibincangkan dalam kerangka masyarakat Arab, namun ia tidak lapuk dek hujan tidak lekang dek panas kerana kerelevanannya tidak dapat disangkal lagi dapat diaplikasikan dalam masyarakat heterogen yang unik dan pelbagai dalam setiap peradaban sehingga kini walau dalam corak dan bentuk masyarakat yang berbeza.

Penghargaan

Kami ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas pembiayaan kewangan melalui geran penyelidikan, PPPI/FKP/PPT/0217/051000/11818.

RUJUKAN

Alatas, Syed Farid (2013). *Makers of Islamic Civilization: Ibn Khaldun*. India: Oxford University Press.

Alatas, Syed Farid (2014). *Appying Ibn Khaldun: The Recovery of a Lost Tradition in Sociology*. New York: Routledge.

Dhaouadi, M. (1990). Ibn Khaldun: The Founding Father of Eastern Sociology. *International Sociology*, 5(3): 319–335.

Dhaouadi, M. (1997). *New Explorations Into The Making Of Ibn Khaldun’s Umran Mind*. Kuala Lumpur: A.S Noordeen.

Ibnu Khaldun (1967), *The Muqaddimah: An Introduction to History*. Terjemahan oleh Franz Rosenthal. Princeton, NJ: Princeton University Press.

Ibnu Khaldun (2009). *Mukadimah*. Terjemahan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Indriaty Ismail (2015). *‘asabiyyah dan Kepentingannya*. Dalam Ahmad Sunawari Long (ed.), *Falsafah Ibnu Khaldun (ms. 101-110)*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Zainab al-Khudhairi (1979). *Filsafat Sejarah Ibnu Khaldun*. Bandung: Pustaka.